

Laporan Penyelidikan/Research Report

Syair Tionghua Peranakan Indonesia

LOW KOK ON

ABSTRAK

Golongan Tionghua Peranakan di Indonesia dianggap kumpulan etnik yang unik kerana faktor asimilasi budaya Melayu ke dalam budayanya. Dari segi pertuturan dan penulisan, mereka menggunakan bahasa baba, yang juga dikenali sebagai bahasa Melayu pasar. Dengan menggunakan bahasa baba inilah penulis Tionghua peranakan telah menghasilkan sejumlah besar pantun dan syair. Laporan ini akan memberi fokus kepada identiti dan keindahan syair Tionghua peranakan Indonesia terbitan sekitar kurun ke-19.

Kata kunci: Tionghuo peranakan, Tionghuo totok, Nio Joe Lan, O. S. Tjiang, Lie Kim Hok, L. S. Nio

ABSTRACT

Peranakan Chinese is considered a unique ethnic group in Indonesia due to assimilation of Malay culture into theirs. They used bahasa baba which is sometimes called Melayu in their daily conversation as well as in writing. It is through it that the Peranakan Chinese has produced amazingly a great deal of traditional Malay poems, namely the pantun and syair. This report deals with the identity and beauty of peranakan Chinese syair published in the 19th Century.

Key words: Tionghuo peranakan, Tionghuo totok, Nio Joe Lan, O. S. Tjiang, Lie Kim Hok, L. S. Nio

PENDAHULUAN

Pada awal kurun ke-20, masyarakat Tionghua di Indonesia terbahagi kepada dua golongan: golongan Tionghua totok dan Tionghua peranakan. Nio Joe Lan (1962: 7) dan Leo Suryadinata (1978: 90), antara yang lain-lain, telah menjelaskan bahawa golongan Tionghua totok adalah orang Tionghua yang berhijrah dari Tanah Besar China ke Indonesia antara penghujung kurun ke-19 dengan awal kurun ke-20. Penghijrahan mereka ke Indonesia bukan sahaja kerana kekacauan

politik di China, tetapi juga permintaan tinggi ke atas tenaga buruh oleh penjajah Belanda di Indonesia. Golongan imigran ini menganggap Indonesia sebagai tempat mencari nafkah hidup semata-mata kerana tidak berniat untuk menetap di situ. Pada mereka, Tanah Besar China kekal sebagai tanah tumpah darah mereka, sehinggakan dikembalikan jenazah mereka untuk dikebumikan. Sementara itu, golongan Tionghua peranakan pula adalah keturunan Cina Tionghua yang lahir dan menetap di Indonesia sekurang-kurangnya dua generasi yang lalu. Hampir kesemua mereka bukan sahaja sudah tidak fasih berbahasa Cina lagi, malahan sudah terputus hubungan kekeluargaan dengan saudara mara di Tanah Besar China. Yang lebih menarik ialah mereka menganggap Indonesia sebagai tanah air mereka, selain amalan budaya sebilangan besar mereka sudah sebatian dengan kebudayaan peribumi Indonesia. Perbezaan kedua-dua golongan itu juga disebabkan perbezaan asal usul mereka sejak awal lagi. Dari segi sejarah, orang Cina yang meninggalkan tanah air mereka pada kurun ke-19 itu terdiri daripada lelaki sahaja (Salmon 1984:1). Faktor ini menyebabkan sebilangan besar mereka telah berkahwin dengan wanita setempat di Indonesia. Daripada perkahwinan campur itulah terbentuknya satu komuniti yang tersendiri, yang digelar Leo Suryadinata (1978: 86) sebagai 'pre-war Peranakan Chinese'. Daripada komuniti Cina peranakan ini lahirlah masyarakat Tionghua peranakan di Indonesia yang kemudian berkahwin sesama mereka, dan tidak lagi dengan orang peribumi Indonesia. Kedua-dua komuniti Cina di Indonesia ini berbeza, dan juga memang dibezakan dari segi kebudayaan. Sekiranya golongan Tionghua totok kekal dengan budaya Cina warisan mereka, tetapi golongan Tionghua peranakan sudah mengamalkan budaya campuran Cina-Jawa, termasuk mengamalkan kepercayaan tradisi orang Cina, menyembah roh nenek moyang sebagaimana yang dilakukan oleh orang Cina lain (Nio Joe Lan 1962: 7-8).

Dari segi bahasa, Tionghua peranakan didapati menggunakan bahasa baba yang dikenali sebagai bahasa Melayu pasar dalam pertuturan dan penulisan. Menurut Nio Joe Lan (1962: 14), Bahasa Melayu baba "...telah lahir dari kata-kata sehari-hari jang langsung, tidaklah kaya (kaya). Perbendaharaannya semula hanja terbatas pada kata-kata jang perlu untuk pekerjaan sehari-hari dan nama barang-barang, pakaian sehari-hari". Sementara itu, Ahmat Adam (1995: 9-10) pula menjelaskan beberapa sifat bahasa itu:

As a lingua franca of the Malay Archipelago, Malay was used by the Dutch in their dealing with people throughout the eastern archipelago and the Malay speaking-ports on the western region. However, the kind of Malay spoken was the simple form of the language, commonly known as pasar Malay or Low Malay. Its syntax did not conform to strict grammatical rules of literary Malay, it was nevertheless distinctive, being much influenced by Baliness, Javanese, Chinese, Portugues and Dutch.

Penggunaan bahasa baba itu disebabkan hampir kesemua mereka sudah tidak dapat membaca buku bertulisan Cina (Nio Joe Lan 1962: 9-10). Sebaliknya, mereka telah mempelajari bahasa baba dari sekolah pondok yang didirikan orang Belanda. Bahasa itulah yang digunakan dalam pergaulan mereka (Nio Joe Lan

1962: 14). Selain sifat keterbatasan perbendaharaan kata seperti yang disebut tadi, tabung perbendaharaan kata mereka terhadap kepada kata-kata yang diperlukan seharian dalam pekerjaan, seperti nama barang dan pakaian seharian, dengan sebahagiannya dipinjam dari dialek Hokkien atau Teochew. Misalnya *loteng*, *bihun*, *ketjap* (kicap), dan *taoge* (tauge) (Nio Joe Lan 1962: 17). Peminjaman kata seumpama itu telah memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Indonesia, khususnya nama barangan yang tidak terdapat dalam bahasa Indonesia/ Melayu. Dalam konteks ini, sumbangan penulis dan pengguna bahasa Melayu baba, seperti Lie Kim Hok tidak boleh diabaikan. Setelah mendapat pendidikan bahasa Melayu secara formal daripada guru bahasa orang Belanda, beliau juga menyedari bahasa baba perlu dinaikkan tarafnya. Bertopangkan semangat dan kesedaran itu, beliaulah satu-satunya penulis Tionghua Peranakan zaman awal yang telah berikhtiar menetapkan peraturan dalam penggunaan bahasa Melayu baba dari segi ejaan dan tatacara bahasa. Usaha dan ikhtiar beliau telah mengubah bahasa Melayu rendah kepada bahasa Indonesia Tionghua (Nio Joe Lan 1962: 16). Sejak itu, Tionghua peranakan Indonesia telah menghasilkan sastera Tionghua Peranakan Indonesia dalam bahasa itu.

SYAIR TIONGHUA PERANAKAN INDONESIA

Antara tahun 1886 hingga 1910, sebanyak 27 orang pengarang Tionghua peranakan telah menerbitkan lebih daripada 40 buah antologi syair (Salmon 1984: 28). Tarikan mereka kepada syair ada sebabnya. Menurut Kwee Tek Hoay, orang Tionghua peranakan, khususnya wanita, berjaya menghasilkan syair setelah biasa mendengar penyanyi keliling dan wayang 'Tjokek' yang banyak mendendangkan syair. Menurut Kwee Tek Hoay (dipetik Salmon 1984: 30), penyanyi keliling ialah mereka yang mencari nafkah hidup dengan menyanyi dan bercerita dari sebuah rumah ke sebuah rumah lain, sementara Wayang *tjokek* biasanya dipersembahkan dalam majlis keramaian pada masa dahulu di Indonesia. Setelah pendendangan syair dan pantun menjadi sebatik dalam hidup seharian, lebih-lebih lagi kerana persekitaran sosial hidup berjiran dengan orang Indonesia, mereka dengan sendirinya telah menggunakan syair sebagai media untuk menyampaikan cerita klasik dan cerita rakyat warisan Cina. Kegiatan itu penting dalam pengekalan identiti mereka. Walaupun sudah tidak dapat membaca buku-buku yang tertulis dalam tulisan Cina, mereka yang hidup dalam komuniti Tionghua peranakan Indonesia masih terdedah kepada cerita dari China melalui nenek moyang mereka. Nio Joe Lan (1962: 141) telah menyenaraikan contoh buku syair yang berisikan cerita panjang yang dimaksudkan itu:

1. *Sair Djie Sie Hauw*: mengisahkan 24 orang anak yang berbudi kepada orang tua. Moral dan tanggungjawab anak kepada ibu bapa itu telah kuat mempengaruhi tingkah laku orang Cina turun-temurun.

2. *Sair Sam Pek – Eng Tay*: percintaan abadi sepasang dara teruna – Sam Pek dan Eng Tay. Kisah percintaan itu menandingi kisah percintaan Romeo dan Juliet oleh Shakespeare di England.
3. *Sair Ong Sie Nio*: mengisahkan isteri seorang penyembelih khinzir menyedari perbuatan kejam membunuh makhluk yang bernyawa, lalu menasihati suaminya agar tidak lagi mencari nafkah hidup dengan menyembelih khinzir.

Selain menceritakan kembali kisah yang berlaku di China, penulis golongan Tionghua peranakan Indonesia juga mengarang syair berdasarkan kejadian di tempat tinggal mereka di Indonesia, yang mungkin sudah dilaporkan dalam akhbar. Antaranya ialah:

1. *Sair Javasche Bank Dirampok* yang mengisahkan percubaan seorang perompak bank, Gentis, merompak Bank Javasche pada tahun 1902.
2. *Sair Oey Tam Ba Sia* menceritakan Oey Tam Ba Sia, seorang hartawan, mengakhiri hayatnya di tiang gantung kerana perbuatan jenayahnya.
3. *Sair Karang-karangan* mengisahkan tujuh cerita yang berasingan: Rantjak Ikan, Si Ah Kiong, Perang Di Tambun, Hudjan Abu (letupan Gunung Berapi Krakatau pada tahun 1883), Pantoen Orang Muda, Sair Orang Bersobat, dan Sair Orang Budjang Kampungan.
4. *Sair Opera Bangsawan Semarang – Soerabaja* mengisahkan perbuatan seorang wanita di Semarang gilakan seorang pelakon opera Cina, Teng Poei Nio, sampaikan sanggup memberi barang kemas kepadanya (Nio Joe Lan 1962: 140).

Dari segi bentuk, hampir semua syair ciptaan penulis Tionghua peranakan Indonesia di pinggir abad yang 19 ialah syair empat rangkap. Kebolehan mereka dikagumi kerana boleh mengarang syair sepanjang ratusan rangkap. Misalnya *Boekoe Sair Tjerita Njaie Dasima*, karangan O. S. Tjian (1924), mengisahkan perwatakan seorang perempuan tempatan, Njaie Dasima. Panjangnya syair itu ialah 210 rangkap.

Perlu dijelaskan di sini bahawa penulis Tionghua peranakan terkadang-kadang tidak membezakan syair dan pantun. Mencampuradukkan kedua-dua jenis puisi Melayu yang berbeza itu boleh dilihat dalam *Boekoe Sair Tjinta Tjoema Boeat Satoe* (Botauwlo 1950: 14 & 15) seperti yang dipetik di bawah ini:

Tjinta ada poenja pemboeroe,
Soesa dibedaken sering saroe,
Biar hati-hati djangan kliroe,
Djangan djato dibawa pengaroe.

Angin meniop daon tergojang,
Membikin girang hati manoesia,

Mengakoe tjinta serta menjajang,
Tida koerang jang tersia-sia.

Tjinta dipadoe dengan soeka,
Tjoema beda di sanoebari,
Kaloe tida ingin berdoeka,
Misti bisa mendjaga diri.

Kaloe tjinta jang sedjati,
Idoep broentoeng sepasang merpati,
Ramboet item menjadi poeti,
Tida perna menjakiti hati.

Namun, yang menarik ialah sesetengah mereka itu penulis profesioanal. Mereka mengarang untuk diperdagangkan. Perhatikan dua rangkap syair yang berikut daripada Y.K.H. (1922: 3 & 4):

Sair dikarang moelah pertama,
Doedoek menoelis didalem roemah,
Toeana dan Njonja jang teroetama,
Membatja itoelah boekan pertjoema. (hlm. 3)

Bahoewa jang bikin ini karangan,
Nama Y.K.H. orang pelantjongan,
Sebab saja iseng-isengan,
Loemajan sedikit dapet kaoentoengan. (hlm. 4)

Untuk memperdagangkan karya, mereka telah menyisipkan iklan dalam bukunya. Di bahagian awal *Boekoe Sair Tjerita Njaie Dasima* (O. S. Tjiang 1924: 3) terdapat iklan yang dimaksudkan:

Harganja ini boekoe empat tali,
Kaloe dipikir moera sekali,
Sama Goan Hong & Co. bole dibeli,
Ini boekoe tjitakan katiga kali.

Berlatar belakangkan perkara yang diperkatakan itu, lebih mudahlah kita memperkatakan persamaan dan kelainan identiti penulis seumpama itu dalam karya mereka. Hujah yang berkaitan akan disokong oleh beberapa buah karya yang dipilih ini.

IDENTITI SYAIR TIONGHUA PERANAKAN INDONESIA

Walaupun bahasa ibunda mereka bahasa Melayu baba, tetapi terdapat kelainan dan jati diri mereka dalam karya mereka. Seperti penulis Indonesia sezaman, tidaklah sukar untuk diketahui pengarang asal karya mereka. Ini disebabkan kebanyakan mereka memperkenalkan diri. Dalam buku *Sair Dan Pantoen Nona Manis: Boengah Seronih Nona Boedjang* (Y.K.H. 1922: 4) terdapat catatan seperti yang dipetik di bawah ini:

Bahoewa jang bikin ini karangan,
 Nama Y.K.H. orang pelantjongan,
 Sebab saja iseng-isengan,
 Loemajan sedikit dapet kaoentoengan.

Dalam baris kedua syair di atas, pengarang, Y.K.H., menyebut dirinya sebagai ‘orang pelancongan’ yang membawa konotasi orang perantauan. Penonjolan seperti itu menyatakan jati diri nenek moyang Tionghua peranakan merantau ke Indonesia untuk mencari nafkah hidup. Perbuatan itu telah juga menyatakan sudah wujud hak cipta dan pemilikan hak cipta yang akan membawa keuntungan hasil daripada penjualan buku yang berkenaan. Selain itu, kata “nona” dalam judul buku juga menonjolkan satu lagi jati diri pengarang Tionghua peranakan Indonesia. Pada umumnya, orang Indonesia panggil wanita keturunan asing, terutamanya Tionghua sebagai ‘nyonya’ (sudah kahwin) dan ‘nona’ (gadis dan dara).

Selain nama pengarang dan judul karya, karya Tionghua peranakan Indonesia juga dapat dikenali dari nama penerbit milik Tionghua peranakan Indonesia. *Sair Tiga Sobat Nona Boedjang* (1899) dan *Sair Orang Toewa Dan Sair Orang Jang Alim* (1919), hasil pena Tan Tjeng Nio, telah diterbitkan Drukkerij Lie Tek Long. Demikian juga *Tjinta Tjoema Boeat Satoe* (1950), hasil karya Botauwlo, telah diterbitkan Kwee Seng Tjoan. Seperkara lagi boleh membantu pengenalan hasil penulis Tionghua peranakan Indonesia ialah nama watak yang terdiri daripada orang Tionghua. Kesemua ciri itu jarang, walaupun tidak boleh dikatakan tidak pernah, ditemui dalam hasil ciptaan penulis Melayu dan Indonesia. Misalnya, perwatakan Tionghua peranakan dalam syair yang berikut:

Saja tjerita sewaktoe-waktoe,
 Di iboe kota Betawi itoe,
 Ong To Tiong jang soedah tentoe,
 Ong Dji Hong anaknja satoe.

(Jap Kim Hong [tt]: 4)

Kalau tidak ditemui unsur tadi, karya Tionghua peranakan itu boleh dicam daripada bau “kecinaan” karya itu. Antara yang dimaksudkan itu ialah kata

“nona” atau “baba”, gambaran fizikal watak seperti warna kulit (putih dan kuning) dan orientasi budaya Cina seperti yang terbayang dalam rangkap syair seperti berikut:

Pertama *nona* namanja A,
Poeti koening sanget moelija,
Parasnja elok termasjhoer di doenija,
Banyak lelaki melamar dija.

(Tan Tjeng Nio 1899: 2)

Anak Tjina bermaen wajang,
Tjerita peranglah sampe mati,
Pegimana tida maoe disajang,
Bisa sekali mengambil hati.

(L. S. Nio [tt]: 4)

Dji Hong kata ‘ngko maoe adjak kemana,
Itoe semoewa tida bergoena,
S.H.B.K. kata menonton *wajang tjina*,
Kita ini aken mentjarilah nona-nona.

(Jap Kim Hong [tt]: 13)

Bila Hoan-jin sadeka kondangan,
Orang Tionghua tra’dapet oendangan,
Sebab agamanja ada bertentangan,
Pikirlah Tionghoa-jin sedikit terangan.

(H. Brightson 1925: 5)

Dalam syair kedua di atas terdapat gambaran unsur budaya orang Cina gemarkan opera yang bertemakan “perang”. Gejala itu diperkukuhkan lagi dalam syair yang ketiga yang menggambarkan suasana riang gembira ketika menonton wayang. Pada ketika itulah dara dan teruna Tionghua peranakan berpeluang untuk berkenalan. Daripada gambaran itu dapat diketahui serba sedikit amalan hidup dan warna budaya mereka. Dalam opera itu diselipkan syair, kerana nilai estika puisi Melayu, maka telah dijadikan media untuk menyampaikan salam, nasihat, cerita, falsafah dan sebagainya. Lihat contoh yang dipetik di bawah ini yang mengakhiri persembahan sandiwara:

Papaja matang dari Keramat,
Tjerita ini sudahlah tamat,
Mau dipandjangkan susahlah amat,
Pada penonton dihaturkan selamat.

(Nio Joe Lan 1962: 137)

Walaupun masih mengamalkan budaya dan cara hidup turun-temurun orang Tionghua, termasuk memuja roh nenek moyang, tetapi mereka telah prihatin kepada kejadian dan masalah sosial, ekonomi, politik, ugama dan lain-lain di persekitaran. Ini dapat dilihat dalam beberapa rangkap syair mereka tentang ajaran Islam seperti yang dipetik di bawah ini:

Kita misti toeroet agama Moehamad,
Itoe agama jang perloe amat,
Misti pladjari biar sampe tamat,
Makanja diri bole djadi slamat.

(O. S. Tjiang 1924: 17)

Bertobat pada Nabi Moehamad itoe,
Misti pake atoeran begitoe,
Kita sembajang lima waktoe,
Baroe dapat sorga jang tentoe.

(O. S. Tjiang 1924: 19)

Saija seboet noraka satoe-satoenja,
Kaloe kafir banjak kadosaanja,
Kaloe soeda terang kasalahanja,
Terhoekoem disitoe 500 tahon lamanja.

(O. S. Tjiang 1924: 18)

Daripada kenyataan seperti yang terkandung dalam syair yang tersebut di atas, bolehlah dirumuskan sesetengah penulis Tionghua peranakan, terutamanya O. S. Tjiang, telah mengetahui ajaran Islam dengan mendalam. Namun, perkembangan itu boleh dianggap sebagai kelainan yang dilakukan penulis Tionghua peranakan.

Tadi sudah disebut penulis Tionghua peranakan juga menulis berdasarkan kejadian yang betul-betul sudah terjadi. Laporan seumpama itu bukan sahaja terdapat dalam karya prosa, tetapi juga dalam syair. Lihat contohnya yang dipetik daripada karya O. S. Tjiang (1924: 6):

Belon brapa lama waktoenja,
Di tahon 1813 itoe tempohnja,
Toen Edward W. itoe namanja,
Di Tana Tjoeroek djadi koesanja.

Toen itoe bangsa Inggris,
Taoe tinggal djoega di kota Paris,
Matanja tadjem seperti keris,
Serta bisa bladjar baris.

Setelah dibandingkan dengan catatan dalam buku sejarah, peristiwa yang diceritakan itu berlaku di Indonesia pada tahun 1813, ketika kawasan “Tjoeroek” telah dikuasai orang British, Edward W. Catatan seumpama itu besar nilainya dari segi sejarah sosial-budaya Indonesia masa lalu.

Identiti yang penting dalam syair penulis Tionghua peranakan tidak lain daripada bahasa baba yang mereka gunakan. Kata-kata pinjaman dari dialek Hokkien telah diperturunkan dalam syair dan karya penulisan mereka. Lihat contoh yang dipetik daripada *Sair Tjerita Ong Djie Hong* oleh Jap Kim Hong ([tt]: 5):

Hakseng-hakseng moelai sekola,
Haktong diboeka dari bermoela,
 Soepaja angkau djangan tertjela,
 Segala peladjaran djoendjoeng dikepala.

Dalam dialek Hokkien, ‘*hakseng*’ bermaksud ‘pelajar’, sementara ‘*haktong*’ pula bermaksud ‘sekolah’. Apakah sebab kata-kata pinjaman itu digunakan, sedangkan penulis yang berkenaan sudah pasti mengetahui perkataan ‘pelajar’ dan ‘sekolah’, kata yang umum, dalam bahasa Melayu. Yang menarik ialah bagaimana beliau menggunakan kedua-dua perkataan itu dalam rangkap lain syair itu.

Pelajar-pelajar moelai *sekola*, (baris 1)
Sekola diboeka dari bermoela, (baris 2)

Mungkinkah penggunaan itu disebabkan beliau ingin menyedapkan bunyi rangkap syairnya? Daripada kejanggalan bunyi dalam baris 1 dan baris 2 di atas, pengarang telah menggantikan kata ‘*sekola*’ dengan ‘*haktong*’ dengan sengaja yang sememangnya biasa kepada pembaca Tionghua peranakan. Penggantian itu boleh dianggap semacam identiti syair daripada penulis Tionghua peranakan, kerana perkara itu tidak terdapat dalam syair daripada penulis Melayu. Banyaknya kata pinjaman Hokkien dalam syair daripada penulis Tionghua peranakan boleh juga dilihat dalam contoh yang dipetik di bawah ini:

Ini waktue soeda sampe temponja,
 Njaie soeda kliwat djineknja,
 Tjari *kongtauw* boeat kematnja,
 Soepaija lantast beroba hatinja.
 (O.S. Tjian 1924: 21)

Kita bingoeng Tionghua *siojtia* madjoe,
 Saben hari lantast makan roti kedjoe,
 Glas batist diboet badjoe,
 Kaliatan koelitnja poeti sabagi saldjoe.
 (H. Brightson 1925: 12)

Dalam syair pertama, ‘*kogntauw*’ ialah dialek Hokkien untuk ‘ilmu guna-guna’, dan dalam syair yang kedua, ‘*siojtjia*’ adalah untuk ‘gadis’. Penggunaan kata-kata pinjaman itu telah menjadikan syair penulisan Tionghua peranakan kedengaran berbeza daripada syair daripada penulis Melayu, lebih-lebih lagi jika digunakan ayat ala bahasa pasar yang dicondongkan dalam contoh syair berikut:

Kaloe saban hari bagitoe pakean,
 Apa kita tida kemaloean,
Jang saperti kaoe poenja keadaan,
Ban Kaij kata tida sala loe poenja perkataan.
 (Jap Kim Hong [tt]: 8)

Si Poesa lantast menanja,
Maoe boenoe bini loe apa salanja?
 Apa jang dia kadjahatannja,
Minta kasi taoe awal moelanja.
 (O. S. Tjiang 1924: 81)

Sair krontjong telah dikarang,
 Permainan krontjong djaman sekarang,
Saja bilang teroes dan terang,
 Tida menoeroet boeatan orang.
 (L. S Nio [tt]: 1)

Penggunaan bahasa yang bercampur-aduk itulah juga contoh identiti tentang bahasa baba dalam perbualan seharian. Walaupun sudah bersekolah, tetapi tidak ramai daripada mereka berpeluang menerima pendidikan bahasa Melayu/ Indonesia secara formal. Frasa seperti “*kau punya*”, “*lu punya*”, “*bini lu*”, “*minta kasi*” dan “*saya bilang*” itu bahasa pertuturan, tetapi telah juga digunakan dalam penulisan di akhbar, buku, dan juga mengarang syair (Nio Joe Lan 1962: 17). Isu pokok di sini ialah tidak banyak penulis Tionghua peranakan masa itu mendapat pendidikan bahasa Melayu secara formal seperti Lie Kim Hok. Disebabkan latar belakang pendidikannya, lagipun mempunyai ikhtizam untuk menunjukkan bahasa Melayu yang lebih bermutu, maka terdapat perbezaan antara bahasa yang digunakan Lie Kim Hok dengan penulis Tionghua peranakan yang lain. Pendekkan cerita: bahasa Lie Kim Hok lebih teratur dan mirip kepada bahasa yang digunakan penulis Melayu. Lihat contoh berikut yang dipetik dari buku *Sair Tjerita Siti Akbari* (1922: 3):

Pada waktoe boeroeng-boeroeng baroe tinggalkan sarang,
 Ija itoe pada waktoe hari baroe djadi trang,
 Dalam Barbari soedah ada banjak orang,
 Jang berbangkit akan mendjoewal dan membli barang.

Barbari itoe soewatoe negri atawa kota,
Jang besar dan bagoes serta berbenteng bata,
Kaja dengan tantara, kaja dengan gaman sendjata,
Pendoedoeknja banjak orang bangsawan dan beharta.

Walau bagaimanapun, banyak juga syair yang indah-indah dan bermutu tinggi telah tercipta dalam bahasa baba itu. Keindahannya terletak pada daya kreativiti dan kebolehan penulis Tionghoa peranakan mengarang syair mengikut hukum syair. Di sini tidak harus dibangkitkan isu karya sastera berbahasa Melayu mestilah yang dikarang dalam bahasa Melayu persuratan, seperti yang digunakan dalam *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* atau *Syair Siti Zubaidah*. Selain itu, mutu karya syair Tionghua peranakan itu juga kerana keasliannya, seperti dalam contoh yang berikut yang dipetik daripada karya L. S. Nio ([tt]: 1):

Sair krontjong telah dikarang,
Permainan krontjong djaman sekarang,
Saja bilang teroes dan terang,
Tida menoeroet boeatan orang.

Mengarang adalah kerja yang susah dan motif yang tertentu juga dinyatakan penulis Tionghua peranakan. Misalnya:

Masoek di kampoeng koeliling desa,
Kaki jang pegal tida dirasa,
Pikiran diri terlaloe soesa,
Sakoedjoer badan ampir binasa.
(L. S. Nio [tt]: 2)

Apalah sekarang oentoengnja beta,
Telandjoer soeda apa maoe dikata,
Kendati habis oewang dan harta,
Djantoeng hati saorang jang aku tjinta. (ibid. 3)

Dari Soerabaja pergi ke Semarang,
Sampe Semarang membeli barang,
Djangan pertjaja moeloet orang,
Banjak orang berhati tjorang. (ibid: 5)

PENUTUP

Sehingga kini masih belum dipastikan tarikh awal orang Cina mendatangi Indonesia. Yang diketahui ialah mereka itu merantau ke Alam Melayu sejak Dinasti Ming (1368 – 1644 Masihi) lagi untuk mencari nafkah hidup. Semasa sampai ke

Indonesia, misalnya, mereka tidak tahu berbahasa Melayu. Untuk berkomunikasi dengan kaum peribumi dan juga orang lain di Alam Melayu, mereka telah mempelajari bahasa Melayu pasar. Bahasa itulah juga yang dipelajari orang Tionghua totok yang datang selepas mereka. Setelah tahu membaca dan menulis huruf Latin yang dipelajari dari sekolah Belanda, sesetengah mereka telah menjadi penulis. Daripada mereka itulah terhasilnya karya sastera, termasuk antologi syair yang diperkatakan ini yang cuba memberi perhatian kepada identiti karya sastera mereka. Namun, sehingga kini sumbangan mereka kepada perkembangan sastera Indonesia moden belum diberi penilaian yang wajar kerana masih banyak yang belum dikaji dan diketahui.

RUJUKAN

- Damhoeri, A. 1935. *Mentjari Djodoh*. Djakarta: Balai Pustaka.
- Ahmat bin Adam. 1995. *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness (1855-1913)*. Ithaca, New York: Cornell University.
- Botauwlo. 1950. *Tjinta Tjoema Boeat Satoe*. Batavia: Kwee Seng Tjoan.
- Brightson, H. Jun 1925. *Kemadjoen*. Semarang: Vereeniging.
- Jap Kim Hong. [tt] *Sair Tjerita Ong Djie Hong*. Batavia: Kantoor Tjitak Lie Tek Long.
- Kwee Tek Hoay. 1969. *The Origins of the Modern Chinese Movement*. Ithaca: Cornell University.
- Lie Kim Hok. 1922. *Sair Tjerita Siti Akbari*. Btavia: Kho Tjeng Bie & Co.
- Nio, L. S. [tt]. *Sair Krontjong Bidadari Senang Hati Krontjong Nona Manis*. Batavia: Kho Tjeng Bie & Co.
- Nio Joe Lan. 1962. *Sastera Indonesia-Tionghua*. Djakarta: Gunung Agung.
- Tjiang, O. S. 1924. *Boekoe Sair Tjerita Njaie Dasima*. Batavia: Goan Hong & Co.
- Romano. 1934. *Brangti* (Roman). Soerabaja: Dir. & Adm.
- Sair Orang Toewa dan Sair Orang Jang Alim*. 1919. Batavia: Drukkerij Lie Tek Long.
- Salmon, Claudine. 1984. *Sastera Cina Peranakan dalam Bahasa Melayu*. Indonesia: Balai Pustaka.
- Suryadinata, Leo. 1978. *Pribumi Indonesians: The Chinese Minority and China*. Singapore: Heinemann Asia.
- Tan Tjeng Nio. 1899. *Sair Tiga Sobat Nona Boedjang*. Batawi: Albrecht & Co.
- Y. K. H. 1922. *Sair Dan Pantoen Nona Manis: Boengah Seronih Nona Boedjang Sair Ikan*. Batavia: Tokok & Drukkerij Lie Tek Long.

Low Kok On, Ph.D.
 Pensyarah
 Universiti Malaysia Sabah
 Kampus Antarabangsa Labuan
 Peti Surat No 80594
 87015 W. P. Labuan
 e-mail: Lowkokon@ums.edu.my